

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AMP 344 - Pengiklanan

Masa : 2 1/2 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan.

ANDA TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA KELUAR KERTAS SOALAN INI DARI BILIK PEPERIKSAAN.

Soalan 1

Semasa menghadiri temuduga untuk jawatan Pelatih Pengurusan (Management Trainee) di firma Proctor & Gamble anda diberi satu tugasan berdasarkan keratan akhbar di lampiran.

Anda diberi masa 1 jam untuk membaca keratan dan menjawab soalan yang disenaraikan:

- (i) Kenalpasti dua objektif yang hendak dicapai oleh P&G

[5 markah]

- (ii) Mengikut laporan akhbar berkenaan, Proctor & Gamble bercadang untuk membelanja RM 2 juta untuk membangunkan program pengiklanan dan promosi bagi enam bulan pertama selepas pelancaran barang baru berkenaan.

Senarai dan huraikan program yang anda cadangkan untuk P&G jalankan.

[45 markah]

Soalan 2

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan jawatan Pengurus Produk?

Bincangkan bagaimana Pengurus Produk terlibat di dalam pembentukan program Komunikasi Pemasaran Bersepadu

[15 markah]

- (ii) Senaraikan lima kebaikan dan lima kelemahan pengiklanan melalui radio.

[10 markah]

Soalan 3

Persaingan di antara restoran makanan segera McDonald's dan KFC selalu sengit. McDonald's begitu agresif mempromosi melalui surat khabar dengan mengeluarkan kupon (seperti di bawah) yang boleh ditukar untuk mendapat makanan percuma dari senarai menunya.

Jawab soalan berikut:

- (i) Nyatakan dua objektif utama promosi melalui kupon yang dibuat oleh McDonald's.

[5 markah]

- (ii) Bagaimanakah KFC dapat mengatasi McDonald's di dalam situasi ini ?

Untuk memperjelaskan jawapan anda, nyatakan contoh-contoh program pengiklanan dan promosi yang boleh dijalankan oleh KFC.

[20 markah]

Kupon McDonald's

Lampiran

Keratan surat-khabar The Sun, Rabu 6hb Disember, 2000

- 0000000 -

609